



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : (24) KKM.600-29/4/101

Tarikh :                   Disember 2015

## SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datu/Datin/Tuan/Puan,

### PERUBAHAN JADUAL IMUNISASI MEASLES (DEMAM CAMPAK) UNTUK KANAK-KANAK DI MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan pemberian imunisasi measles kepada kanak-kanak di Malaysia diubah berdasarkan kertas cadangan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO Position Paper*) dan epidemiologi penyakit measles di Malaysia. **Dos pertama** imunisasi measles (MCV1) perlu diberikan kepada kanak-kanak berusia **9 bulan** menggunakan vaksin kombinasi Measles-Mumps-Rubella (MMR). **Dos kedua** imunisasi measles (MCV2) pula diberikan pada usia kanak-kanak **12 bulan** menggunakan vaksin kombinasi MMR juga.

3. Bersama-sama ini dikemukakan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 13/2015 untuk perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datu/ Datin/ Tuan/ Puan. Dipohon agar arahan perubahan jadual imunisasi ini dapat dilaksanakan di fasiliti YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datu/ Datin/ Tuan/ Puan demi memastikan kanak-kanak mendapat perlindungan optima.


Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

b.p (DR. CHONG CHEE KHEONG )  
Pengarah Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

DR. CHONG CHEE KHEONG  
No. Pendaftaran: 10001-10001  
Pusat Penyelidikan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit (DPP)  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
62590 Putrajaya





**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA



Tel 03-8883 2545  
Faks 03-8889 5542  
Web [anhisham@moh.gov.my](mailto:anhisham@moh.gov.my)

Rujukan kami KKM.600-1/2/3 ( 10 )

Tankh 17 Disember 2015

## SENARAI EDARAN

*YBhg. Datuk/Dato'/Datu/To' Puan/Datin/Tuan/Puan,*

### **SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 13/2015 PERUBAHAN JADUAL IMUNISASI MEASLES (DEMAM CAMPAK) UNTUK KANAK-KANAK DI MALAYSIA**

#### **1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kementerian Kesihatan Malaysia berhubung perubahan jadual imunisasi measles di bawah Program Imunisasi Kebangsaan bagi kanak-kanak.

#### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Imunisasi measles (demam campak) telah mula digunakan pada tahun 1963 bagi mencegah jangkitan measles dalam kalangan manusia. Imunisasi measles di Malaysia telah bermula pada tahun 1982, yang diberikan kepada kanak-kanak berumur sembilan (9) bulan.
- 2.2 Pada tahun 2003, Malaysia telah membuat komitmen kepada Pejabat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di Manila, Filipina untuk mencapai status eliminasi measles menjelang 2012.
- 2.3 Bagi mencapai usaha tersebut, sejak tahun 2004, dua (2) dos vaksin measles dalam bentuk kombinasi Measles-Mumps-Rubella (MMR) telah dimasukkan ke dalam jadual

Program Imunisasi Kebangsaan. Dos pertama diberikan kepada kanak-kanak berusia satu (1) tahun dan Dos kedua pula kepada murid Tahun Satu (1) di sekolah.

- 2.4 Walau bagaimanapun, pemantauan menunjukkan bilangan kes dan wabak measles dalam kalangan kanak-kanak masih terus meningkat. Dianggarkan 24% hingga 36% daripada keseluruhan kes measles pada tahun 2011 hingga 2015 adalah dalam kalangan kanak-kanak berumur bawah satu (1) tahun yang masih belum layak menerima suntikan imunisasi measles, dimana sebanyak 25% hingga 54% kes adalah berumur antara sembilan (9) hingga 11 bulan.
- 2.5 Kertas Cadangan (*Position Paper*) Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menyatakan bahawa bagi negara endemik measles, dos pertama imunisasi measles (MCV1) hendaklah diberikan pada umur antara sembilan (9) ke 12 bulan. Manakala pemberian dos kedua imunisasi measles (MCV2) diberikan dalam julat umur satu (1) ke dua (2) tahun.
- 2.6 Pada tahun 2014, WHO telah mengkategorikan Malaysia sebagai negara endemik measles, sebaris dengan negara Filipina dan China.

### 3. PERUBAHAN JADUAL IMUNISASI MEASLES

Berdasarkan data epidemiologi kes measles di Malaysia dan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Jawatankuasa Dasar dan Amalan Imunisasi Kebangsaan telah mengarahkan supaya:

- 3.1 Mulai 01 April 2016, jadual imunisasi measles bagi kanak-kanak yang lahir pada 01 Julai 2015 dan ke atas adalah seperti berikut:-
  - 3.1.1 **Dos pertama** imunisasi measles (MCV1) diberikan pada usia kanak-kanak **sembilan (9) bulan** menggunakan vaksin kombinasi Measles-Mumps-Rubella (MMR).
  - 3.1.2 **Dos kedua** imunisasi measles (MCV2) diberikan pada usia kanak-kanak **12 bulan** menggunakan vaksin kombinasi Measles-Mumps-Rubella (MMR) juga.

3.2 Bagi kanak-kanak yang lahir sebelum 1 Julai 2015, jadual imunisasi measles adalah seperti berikut:-

3.2.1 Pemberian MCV1 adalah pada umur 12 bulan.

3.2.2 Pemberian MCV2 kepada murid sekolah **Tahun Satu (1) diteruskan** sehingga tahun 2021.

3.2.2 Pemberian MCV2 kepada murid sekolah **Tahun Satu** akan **diberhentikan** pada tahun **2022**.

#### 4. **TARIKH BERKUATKUASA**

Arahan di dalam surat pekeliling ini berkuatkuasa pada 01 April 2016.

#### 5. **PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Pengarah  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Aras 3, Blok E10, Parcel E, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya.

No. Telefon : 03 – 8883 4504 / 4411 / 4421

No. Faksimili : 03 – 8889 1013

#### **ATAU**

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga  
Aras 8, Blok E10, Parcel E, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya.

No. Telefon : 03 – 8883 4011/ 4002 / 4003

No. Faksimili : 03 – 8888 6150

## 6. PENUTUP

YBhg Datuk / Dato' / Datu / To' Puan / Datin / Tuan / Puan adalah bertanggungjawab untuk memastikan arahan dalam pekeliling ini dihebahkan dan dipatuhi. Komitmen dari semua anggota kesihatan amat saya hargai

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

*Yang Ikhlas,*

*Shahruce*

DR SHAHNAZ MUKAL  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan  
(Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
No. MMC 26324

**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia